



AKSI perlawanan pusingan awal pada Sukan Massa 2013.

Excelsior juara Bola Jaring Sukan MASSA UMS

UB 12.4.2013 A14

KOTA KINABALU: Sebanyak 9 pasukan telah menyertai Kejohanan Bola Jaring Sukan MASSA Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah diadakan di gelanggang bola jaring Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Pertandingan itu yang disertai oleh pelajar wanita dari sekolah-sekolah dan program pengajian UMS antara lain bertujuan untuk mencari bakat-bakat baharu dalam bidang sukan tersebut selain sebagai satu-usaha menggalakkan mahasiswa mengamalkan gaya hidup sihat seiring dengan pencapaian akademik.

Kejohanan itu yang menggunakan peraturan secara sistem liga pada peringkat kumpulan menyaksikan wakil program Sains Sukan UMS, pasukan Excelsior berjaya mengungguli Kumpulan A.

Manakala pasukan 1 Short dan pasukan Kampung Emasing-masing menjuarai Kumpulan B dan



EXCELSIOR menerima hadiah kemenangan dari pihak penganjur.

Kumpulan C setelah sama-sama mengalahkan kesemua pasukan dalam perlawanan di peringkat kumpulan.

Pada peringkat separuh akhir, pasukan Excelsior telah mengalahkan Energetic 8-1 manakala pasukan Kampung

E pula mengalahkan 1 Short 4-1.

Dalam perlawanan penentuan tempat ketiga, Energetic berjaya mengalahkan 1 Short dalam satu perlawanan yang agak mendebarkan dengan jaringan 5-2.

Perlawan akhir menyaksikan, pasukan Excelsior yang diketuai oleh bekas pemain bola jaring negeri Johor, Nur Masaimi Mazlan untuk membenam pasukan Kampung Edeng dengan 10-2.

Jurulatih pasukan Excelsior, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berpuas hati dengan latihan dan pencapaian anak buahnya namun melahirkan kekecewaan kerana tahap kemahiran pasukan lain masih jauh ketinggalan.

Beliau yang juga memegang Sijil Kejurulatihan Bola Jaring PBJM berkata, program pembangunan bola jaring perlu dilaksanakan dengan lebih intensif untuk mengalakkan lebih ramai pelajar wanita terlibat dalam sukan ini.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh wakil penganjur kejohanan, Syed Salim Syed Ibrahim.



EXCELSIOR Sport Science juara Bola Jaring Sukan Massa 2013.